

10 JAN 1999

Abdullah - Harapan

ABDULLAH IKRAR TIDAK KECEWAKAN RAKYAT

KEPALA BATAS, 10 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru, hari ini berikrar tidak akan mengecewakan harapan rakyat terhadapnya.

Beliau yang juga akan memegang portfolio Menteri Dalam Negeri berkuatkuasa esok berikrar untuk menjalankan tugasnya sebaik-baiknya.

"Inshaallah, saya harap saya tidak akan mengecewakan harapan rakyat... jawatan yang diberikan ini, saya akan jalankan tugas sebaik-baiknya, " katanya pada sidang berita selepas menyampaikan bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada penduduk miskin di Pengkalan Bungor, dekat sini.

Sebelum itu, beliau menyampaikan bantuan yang serupa di Bakar Kapur dan Bakau Tua.

Sambil melahirkan rasa gembira dengan sokongan orang ramai dalam akhbar-akhbar mengenai pelantikannya, Abdullah berkata beliau turut merasa terharu dengan kenyataan-kenyataan pemimpin Umno dan masyarakat.

"Pada saya, apa yang mereka cakapkan itu merupakan satu harapan untuk (saya) menjalankan tugas dengan baik.

"Inshaallah, ini menjadi janji pada diri saya dan janji yang saya berikan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan saya akan menjadi Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Beliau turut mengulangi ikrarnya untuk bekerja bersungguh-sungguh dan penuh dedikasi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dikehendaki yang dipegangnya.

Menurutnya, beliau yakin dan percaya terdapat banyak perkara yang perlu dilaksanakan olehnya.

Di dalam melaksanakan tanggungjawabnya, beliau berkata, beliau akan berjumpa Perdana Menteri untuk berbincang tentang perkara-perkara yang perlu dilaksanakannya seperti kemungkinan mampengkerusikan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu.

Mengenai langkah-langkah yang akan dilaksanakan di kementerian barunya, Abdullah berkata beliau akan mendengar taklimat dari jabatan-jabatan di bawah kementerian itu sebelum membuat kenyataan.

Ini ialah kerana kementerian itu sangat besar kerana selain bertanggungjawab pada jabatan polis beliau juga bertanggungjawab pada jabatan-jabatan lain seperti jabatan imigresen dan jabatan pendaftaran negara.

Sebelum itu, ketika berucap di Bakar Kapur dan Bakau Tua, beliau menasihati mereka yang mampu dan berada untuk terus memberi derma walaupun ketika keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini untuk menjadi masyarakat penyayang.

Beliau berharap amalan bermuafakat untuk berderma tidak akan terganggu ketika kegawatan ekonomi sekarang ini.

-- BERNAMA

AHM WAT